

Headline	Berilah saya peluang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	Mary Victoria Dass	AdValue	RM 10,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,746



'Berilah saya peluang'

Tak sanggup lagi jaja tubuh pada usia senja

>>Oleh Mary Victoria Dass dan Mahaizura Abd Malik
metrojb@yahoo.com

JOHOR BAHRU: "Demi meneruskan hidup, walaupun sudah berusia 50 tahun saya terpaksa menjaja tubuh sejak sembilan bulan lalu bagi mendapatkan antara RM5 dan RM10 sehari," kata seorang wanita mahu dikenali sebagai Kak Bi yang mendakwa terpaksa melacurkan diri untuk mencari rezeki selepas hilang tempat bergantung apabila suaminya yang berusia 35 tahun meninggal dunia pada Mac lalu.

Menurut Kak Bi, berikutan faktor usia kehadirannya di lorong gelap itu dianggap janggal di kalangan pelanggan menyebabkan dia terpaksa menunggu antara empat hingga lima jam setiap hari bagi mendapatkan seorang pelanggan.

"Memandangkan sebahagian besar wanita di sini masih muda kerana berusia kurang 40 tahun, ada lelaki berasa pelik dengan saya yang pada awalnya dianggap sebagai ibu ayam.

"Namun, saya terpaksa mengikis rasa malu, malah sentiasa memujuk lelaki berusia antara 20-an hingga 50-an untuk melanggan.

"Adakalanya saya terdesak dan terpaksa menceritakan

kisah hidup sebelum mereka setuju melanggan dengan bayaran antara RM5 dan RM10. Ada yang simpati memberikan wang tambahan antara RM20 dan RM30," katanya ketika ditemui di Jalan Wong Ah Fook di sini, semalam.

Kak Bi yang berasal dari Gelang Patah berkata, dia tidak pernah mendapat kasih sayang keluarga yang sempurna kerana dibesarkan keluarga angkat.

Menurutnya, pada usia 20-an, dia yang bekerja sebagai operator kilang terpengaruh dengan pujukan teman lelaki hingga terjebak dengan penagihan dadah, malah mendakwa pernah meringkuk dalam penjara dua kali dengan kali terakhir ketika berusia 32 tahun kerana memiliki dadah.

"Selepas keluar penjara pada usia 35 tahun, saya cuba berubah termasuk mencari pekerjaan, namun sia-sia kerana permohonan ditolak dengan alasan saya bekas banduan.

"Saya kembali menagih dadah dan akhirnya disahkan menghidap HIV positif ketika berusia 40 tahun. Ia berlaku kerana saya berkongsi jarum suntikan dengan penagih lain," katanya.

Bagaimanapun, Kak Bi berkata, dia bersyukur kerana ketika berusia pertengahan 40-an, dia menerima

bimbingan dan perlindungan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ketika itulah berkenalan dengan arwah suami yang juga seorang sukarelawan.

"Arwah suami juga penghidap HIV positif, hubungan kami bertambah rapat dan mengambil keputusan berkahwin pada Oktober 2010.

"Saya dan suami kemudian berpindah ke rumah ibunya di Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang. Namun kebahagiaan kami hanya berkekalan lima bulan kerana suami meninggal dunia Mac lalu," katanya.

Menurut Kak Bi, usahanya untuk kembali mendapatkan perlindungan dengan NGO terbabit gagal apabila permohonannya ditolak kerana tiada kekosongan di rumah perlindungan.

Katanya, dia merahsiakan penyakitnya bagi mendapatkan pekerjaan di beberapa restoran tetapi pengurusan restoran, enggan menerimanya dengan alasan mereka memberi keutamaan kepada pekerja Indonesia.

"Sejak sembilan bulan lalu, saya menyimpan impian untuk keluar daripada kehidupan ini kerana ia cukup menyeksakan. Setiap hari, saya berdoa kepada Allah supaya menunjukkan jalan yang benar dan memberi saya peluang," katanya.

Headline	Berilah saya peluang		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	8	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	Mary Victoria Dass	AdValue	RM 10,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,746



DERITA...Kak Bi (kanan) ingin berubah sekiranya diberi peluang.